

### BAB 6

#### Soalan 1

---

Antara ciri yang perlu dimiliki oleh pemimpin yang cemerlang ialah berpandangan jauh. Semasa menjalankan tanggungjawab, beliau juga perlu bersikap kreatif dan kritis.

Ciri yang lain ialah rasional dalam melakukan sebarang tindakan. Seterusnya, pemimpin perlulah bersikap mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan peribadi.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)*

*(Maksimum = 4 markah)*

#### Soalan 2

---

Pelbagai langkah boleh diambil untuk memperkasakan pasukan keselamatan di negara kita. Antaranya ialah melakukan pertukaran teknologi dengan negara maju yang lain. Langkah yang lain ialah menjalankan kajian dan penyelidikan bagi mencari jalan ke arah tersebut.

Penggunaan teknologi moden dalam pasukan keselamatan juga boleh memperkasakan pasukan keselamatan di negara kita. Seterusnya adalah dengan mengukuhkan jati diri dalam kalangan rakyat Malaysia.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)*

*(Maksimum = 4 markah)*